

08 DEC 2001

Tabung Haji-JPN (Bergambar)

TABUNG HAJI GUNA KHIDMAT JPN PASTIKAN KESAHIHAN IDENTITI PENDEPOSIT

PUTRAJAYA, 8 Dis (Bernama) -- Lembaga Tabung Haji akan mula menggunakan khidmat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Januari depan bagi memastikan kesahihan identiti pen deposit.

Pengerusi Tabung Haji Tan Sri Zainol Mahmood berkata Tabung Haji telah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri untuk menggunakan khidmat JPN termasuk bagi melatih kakitangan Tabung Haji mengenal pasti kesahihan kad pengenalan pen deposit.

Tabung Haji juga katanya, telah memperkemas prosedur dan peraturan berkaitan pengeluaran wang simpanan pen deposit dengan Tabung Haji supaya kes kehilangan wang daripada akaun pen deposit berjumlah RM8 juta, September lepas, tidak berulang.

"Kami telah mengadakan berbagai peraturan baru, kelengkapan baru yang moden dan terkini untuk menentukan simpanan ini selamat dan akan dilaburkan dengan bijak," katanya kepada pemberita di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Zainol sebelum itu menyerahkan buku akaun simpanan pen deposit kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainol berkata Lembaga Tabung Haji turut melantik panel pelaburan Tabung Haji terdiri daripada golongan profesional bagi meneliti peraturan sedia ada, cara-cara pelaburan dan kemampuan pegawai dalaman dalam menguruskan pelaburan.

"Ini semua sudah dikaji dan kita dapati banyak kelemahan, terutama dari segi kepakaran kakitangan dan peraturan-peraturan yang tidak up to date," katanya.

Masalah itu timbul kerana Tabung Haji mengalami peningkatan mendadak jumlah wang simpanan sehingga RM10 bilion dalam masa yang singkat, tetapi pengurusan dan peraturan Lembaga masih mengikut cara lama dan tidak berkembang.

Katanya, semua hasil kajian itu akan dipertimbangkan dan perubahannya dijangka dilaksanakan tahun hadapan.

Zainol berkata selain itu, Tabung Haji juga melantik konsultan untuk memberi nasihat mengenai prosedur supaya pengurusan Lembaga itu akan lebih mantap.

"Berbagai-bagai kita dah buat, jadi saya harap dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada Tabung Haji.

"Saya juga ingin memberi jaminan iaitu kami akan menjaga keselamatan (wang pen deposit) dan kalau ada apa-apa berlakupun kita jamin akan diganti balik," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Tabung Haji Datuk Ujang Siakir berkata JPN kini dalam proses mempertingkatkan keupayaan elektronik berteknologi tinggi di Lembaga bagi mengelakkan sebarang penipuan.

"Setiap pen deposit dimestikan datang sendiri bagi sebarang urusan pengeluaran dan semakan simpanan. Kemudian kad pengenalannya akan kita scan menggunakan mesin scanning yang memaparkan maklumat akaun pen deposit berkenaan," katanya.

Melalui cara itu, katanya, sukar bagi orang lain mengetahui jumlah simpanan pen deposit.

Ujang berkata selain itu, keselamatan dalaman melibatkan kakitangan Tabung Haji turut dititik beratkan dengan memberi kata laluan (password) bagi setiap kakitangan supaya setiap traksaksi dapat direkod dan disemak semula.

"Password ini diperlukan untuk kakitangan memasuki sistem, segala tindakan yang mereka buat selepas memasuki sistem akan direkod dan kita boleh kenal pasti siapa yang lakukan transaksi," katanya.

Lembaga Tabung Haji juga, katanya, melantik penyelia yang akan menjalankan tugas penyeliaan dari masa ke semasa bagi memastikan tidak berlaku penyelewangan atau penipuan yang melibatkan "orang dalam".

-- BERNAMA

ZAI AZZ ZB